

PM: Krisis MCA serius

UM 24 DEC 2001

Oleh YUSRI SAHAT
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 23 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan krisis dalaman yang sedang melanda MCA sebagai sesuatu yang serius.

Beliau berkata, ia berikutan MCA merupakan parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Ekoran itu, katanya, selaku Pengerusi BN beliau akan bertemu dengan Ketua Pemuda MCA yang digantung jawatannya, Datuk Ong Tee Keat dalam tempoh terdekat ini.

Dr. Mahathir bagaimanapun memberi jaminan bahawa krisis dalaman MCA itu tidak akan menjejaskan persiapan BN dalam menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan di Perlis.

"Sudah pasti (masalah ini) serius. MCA merupakan parti kedua terbesar dalam BN. Saya berharap untuk bertemu Tee Keat sekali lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pangsapuri PNB Darby Park di Jalan Binjai di sini malam ini.

● 11 bahagian Wanita MCA rayu kembalikan kuasa Pemuda — Muka 2

Dr. Mahathir memberitahu, sebelum ini beliau telah bertemu dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Ong untuk mendapat penjelasan dan mengenal pasti punca krisis.

Bagaimanapun, jelas beliau, kedua-dua pihak agak keberatan untuk bertolak ansur bagi menyelesaikan krisis yang berlaku.

"Mereka mungkin mempunyai sebab untuk berbeza pendapat," katanya.

Beliau mengulas keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA yang menggantung jawatan Ong dan 46 anggota CC Pemuda parti itu Khamis lalu.

Dengan keputusan tersebut, CC MCA menubuhkan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh tiga ahli veteran MCA untuk mengambil alih fungsi dan peranan CC Pemuda.

Ekoran penggantungan itu juga, Ong bersama-sama 'team B' yang diketuai oleh Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek

■ Lihat muka 4

PM: Krisis MCA serius

mengambil langkah untuk mengadakan rapat umum ke seluruh negara bagi memperjelaskan keadaan yang berlaku.

Kemelut dalam parti tersebut semakin memuncak apabila Lim semalam menyatakan kedudukan Dr. Ling selaku Presiden

MCA akan dicabar pada pemilihan parti itu tahun depan.

Dr. Mahathir berkata, kedua-dua pihak sepatutnya memikirkan perbalahan itu kepada MCA serta masyarakat Cina.

Menurut Perdana Menteri lagi, apabila ada cuba-

an untuk menjatuhkan pemimpin tertentu, sudah pasti akan timbul perbalahan sesama pemimpin.

Justeru, katanya, pihak-pihak terbabit perlu berbincang bagi mengendurkan perbalahan sesama mereka.